

Mahkamah beri persetujuan timbang tara 1MDB, IPIC

BH/12-5-17/1124/A/1MDB

Kuala Lumpur: Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa London memberikan award persetujuan bagi penyelesaian melalui prosiding timbang tara membabitkan syarikat pelaburan strategik 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan International Petroleum Investment Company (IPIC).

Di dalam konteks undang-undang Malaysia, ia menyamai mahkamah bersetuju kedua-dua belah pihak mengambil keputusan untuk menyelesaikan pertelingkahan secara baik di luar mahkamah.

IPIC melalui Bursa Saham London semalam, memaklumkan bahawa persetujuan itu sudah diperolehi Selasa lalu.

Pengumuman IPIC itu menyatakan, berikutan pengumuman pada 24 April lalu berhubung penyelesaian bersyarat dicapai antara IPIC, Aabar Investments PJS, Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc) dan 1MDB, satu award persetujuan sudah diperolehi pada Selasa lalu.

Penyelesaian tanpa syarat

"Penyelesaian bagi prosiding timbang tara di Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa London kini tanpa syarat," menurut pengumuman IPIC kepada Bursa Saham London.

1MDB dalam kenyataan April lalu mengesahkan menerusi penyelesaian itu, mereka akan membuat beberapa pembayaran kepada IPIC dan bertanggungjawab untuk semua faedah masa depan serta bayaran pokok untuk dua bon diterbitkan syarikat Kumpulan 1MDB yang matang pada 2022.

Obligasi itu akan dipenuhi 1MDB terutama menerusi penjana unit dana pelaburan milik syarikat berkenaan.

Menurut 1MDB, penyelesaian secara timbang tara dan penjana unit dana pelaburan mewakili resolusi satu cabaran yang signifikan dan menjadi sebahagian besar pelan rasionalisasi 1MDB, yang kini pada peringkat akhir untuk dimuktamadkan.